

# Pelaksanaan belum muktamad: Dr Wan Azizah

BH - 3/2/2020  
m/s: 8

Kementerian Pendidikan akan bincang lanjut dengan Dr M

Oleh Rohaniza Idris  
roha@bh.com.my

**Klang:** Langkah untuk melaksanakan penggunaan bahasa Inggeris bagi pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik di sekolah belum lagi dimuktamadkan, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Dr Wan Azizah berkata, perbincangan untuk pelaksanaan semula pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris masih pada peringkat awal.

“Perbincangan masih pada peringkat awal. Belum ada keputusan muktamad mengenainya,” katanya dalam sidang media selepas menghadiri sambutan Tahun Baharu Cina di Dewan Persatuan Hokkien

Klang di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai pengumuman dibuat Perdana Menteri yang juga pemangku Menteri Pendidikan bahawa bahasa Inggeris akan digunakan semula untuk pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik di sekolah bagi menggalakkan penggunaan bahasa antarabangsa itu.

Pengumuman itu dibuat menerusi sebuah rakaman video ringkas mesyuarat dengan pengurusan Kementerian Pendidikan sebelum dimuat naik dalam Twitter@chedetofficial, Jumaat lalu.

Sementara itu, di **Kota Bharu**, Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching, berkata Kementerian Pendidikan akan mengadakan perbincangan lanjut bersama Tun Dr Mahathir Mohamad, berhubung pelaksanaannya.

Nie Ching berkata, setakat ini, pihaknya belum berkesempatan lagi untuk berbincang secara terperinci mengenai cadangan yang dikemukakan Perdana Menteri yang juga Pemangku



**Tengku Maimun bersama Nie Ching (dua dari kanan) beramah mesra dengan pelajar selepas majlis pelancaran Program MYC2C di Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu, semalam.**  
(Foto Zaman Huri Isa/BH)

**Kementerian Pendidikan akan mengadakan perbincangan lanjut bersama Tun Dr Mahathir Mohamad, berhubung pelaksanaannya.**

**Teo Nie Ching,**  
Timbalan Menteri Pendidikan

ku Menteri Pelajaran.

“Ketika mesyuarat bersama (pentadbiran) yang diadakan di Kementerian bersama Dr Mahathir, beliau ada berkongsi pandangan dan visi untuk menggunakan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Matematik dan Sains.

“Kami tidak ada peluang lagi untuk berbincang secara terperinci mengenai pelaksanaannya,” katanya pada sidang media di Maktab Sultan Ismail di sini, semalam.

Beliau ditemui di sini selepas

menghadiri majlis pelancaran Program Dari Bilik Bicara ke Bilik Darjah (MYC2C) yang dirasmikan Ketua Hakim Negara, Tan Sri Tengku Maimun Tuan Mat.

Nie Ching berkata, ketika ini penggunaan bahasa Inggeris untuk Matematik dan Sains hanya bagi Program Dwibahasa (DLP) dan ketika ini ia digunakan 2,000 sekolah di seluruh negara.

“Kita akan mengadakan perbincangan lanjut mengenai (cadangan) pelaksanaan bersama Tun apabila beliau ada masa nanti,” katanya.